

Bil. S 48

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH POLITEKNIK BRUNEI, 2014

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Penubuhan Politeknik Brunei.
4. Meterai biasa.
5. Matlamat dan kuasa Politeknik Brunei.
6. Lembaga Pengelola dan Senat Politeknik Brunei.
7. Perlindungan daripada liabiliti diri.
8. Kakitangan kerajaan.
9. Sekolah Politeknik Brunei.
10. Jawatankuasa dan perwakilan kuasa.
11. Pegawai dan kakitangan akademik.
12. Perlembagaan Politeknik Brunei.
13. Peperiksaan.
14. Kuasa untuk menganugerahkan diploma dan sijil dll.
15. Bantuan.
16. Kuasa untuk membuat pelaburan.
17. Penyata akaun dan kewangan.
18. Audit.

19. Kuasa juruaudit.
20. Pengemukaan penyata kewangan dan laporan beraudit.
21. Laporan tahunan.
22. Pengambilan tanah bagi tujuan Politeknik Brunei.
23. Pengenaan Penggal 203 kepada persatuan pelajar dll.
24. Pemindahan harta dan kakitangan ke Politeknik Brunei.
25. Pengecualian dari duti setem.

JADUAL PERTAMA — PERLEMBAGAAN POLITEKNIK BRUNEI

**JADUAL KEDUA — PEMINDAHAN HARTA, KAKITANGAN DLL. KE POLITEKNIK
BRUNEI**

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH POLITEKNIK BRUNEI, 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Politeknik Brunei, 2014.
(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk menubuhkan Politeknik Brunei dan bagi maksud-maksud lain yang berkenaan atau berhubungan dengannya”.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Lembaga” bermakna Lembaga Pengelola Politeknik Brunei yang ditubuhkan menurut Perlembagaan;

“Perlembagaan” bermakna Perlembagaan Politeknik Brunei yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“Menteri” bermakna Menteri Pendidikan;

“Politeknik Brunei” bermakna Politeknik Brunei yang ditubuhkan di bawah bab 3;

“Senat” bermakna Senat Politeknik Brunei yang ditubuhkan menurut Perlembagaan.

Penubuhan Politeknik Brunei.

3. Maka dengan ini ditubuhkan sebuah politeknik yang dikenali sebagai Politeknik Brunei yang akan menjadi suatu badan korporat yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai biasa dan dengan nama itu boleh —

(a) mendakwa dan didakwa;

(b) memperoleh, memiliki, memegang dan membangunkan harta, alih dan juga tak alih; dan

(c) melakukan dan membiarkan segala perbuatan atau perkara lain sebagaimana yang mungkin dilakukan atau dibiarkan secara sah oleh badan korporat.

Meterai biasa.

4. (1) Politeknik Brunei hendaklah mempunyai suatu meterai biasa dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Politeknik Brunei.

(2) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang menghendaki meterai Politeknik Brunei hendaklah dimeteraikan dengan meterai biasa Politeknik Brunei.

(3) Setiap surat cara yang dibubuh dengan meterai biasa hendaklah ditandatangani oleh seorang ahli dan hendaklah ditandatangan balas oleh Pengarah atau oleh orang lain yang telah diberi kuasa oleh Lembaga bagi maksud itu, dan penandatanganan tersebut adalah keterangan yang mencukupi bahawa meterai itu telah dibubuh dengan sempurna dan sepatutnya dan bahawa meterai itu adalah meterai Politeknik Brunei yang sah.

Matlamat dan kuasa Politeknik Brunei.

5. (1) Matlamat-matlamat Politeknik Brunei adalah —

(a) untuk mengadakan pengajaran dan latihan dalam kejuruteraan, teknologi, sains, perdagangan dan subjek pembelajaran yang lain;

(b) untuk membantu melalui penyelidikan dan cara lain dalam memajukan ilmu pengetahuan dan penerapannya secara amali; dan

(c) untuk menggalakkan pertukaran ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam perniagaan dan industri.

(2) Politeknik Brunei boleh —

(a) menyediakan kemudahan bagi pelajar-pelajarnya sebagaimana yang dianggapnya dikehendaki;

(b) bagi jawatan pensyarah Politeknik Brunei dan pangkat dan jawatan lain dan membuat lantikannya dan menggaji kakitangan lain sebagaimana yang dianggap perlu oleh Politeknik Brunei;

(c) menetapkan, menuntut dan menerima bayaran dan caj lain;

(d) menyediakan perkhidmatan teknikal dan perundingan dalam perniagaan dan industri sebagaimana yang dianggapnya dikehendaki;

- (e) menubuhkan atau menyertai dalam penubuhan syarikat-syarikat yang mempunyai matlamat sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga;
- (f) mendapatkan atau menerima derma dan sumbangan daripada mana-mana sumber atau mendapatkan dana dengan segala cara yang sah;
- (g) memberi derma dan sumbangan kepada mana-mana orang atau organisasi; dan
- (h) melakukan semua perkara sebagaimana yang mungkin perlu, bersampingan atau berguna untuk mencapai semua atau mana-mana matlamatnya.

Lembaga Pengelola dan Senat Politeknik Brunei.

6. (1) Penubuhan, tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Lembaga dan Senat hendaklah ditetapkan oleh Perintah ini dan Perlembagaan.

(2) Lembaga hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini dan Perlembagaan, menjadi badan pengelola tertinggi Politeknik Brunei dan hendaklah mentadbir harta dan mengurus hal ehwal Politeknik Brunei.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini dan Perlembagaan dan kawalan kewangan Lembaga, Senat hendaklah mengawal selia semua perkara yang berhubungan dengan pendidikan dalam Politeknik Brunei.

(4) Tiada perbuatan atau ketetapan Lembaga atau Senat boleh menjadi tidak sah hanya oleh sebab sebarang kekosongan dalam, atau sebarang kecacatan dalam kelayakan atau lantikan mana-mana ahli, mana-mana badan tersebut.

Perlindungan daripada liabiliti diri.

7. Tiada guaman atau prosiding undang-undang lain boleh diambil terhadap mana-mana ahli atau mana-mana pekerja Politeknik Brunei atau orang lain yang bertindak di bawah arahan Politeknik Brunei kerana apa-apa jua yang dilakukan dengan suci hati atau dimaksudkan hendak dilakukan pada melaksanakan atau dikatakan pada melaksanakan Perintah ini.

Kakitangan kerajaan.

8. Semua ahli dan pekerja Politeknik Brunei hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan dalam makna Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

Sekolah Politeknik Brunei.

9. (1) Maka hendaklah ada Sekolah Perniagaan, Komunikasi dan Teknologi Maklumat, Sains dan Kejuruteraan dan sekolah lain sebagaimana yang mungkin ditubuhkan oleh Lembaga atas sokongan Senat.

(2) Maka hendaklah ada seorang ketua bagi tiap-tiap Sekolah dengan kuasa-kuasa sebagaimana yang mungkin diberikan oleh Lembaga.

(3) Lembaga boleh, atas sokongan Senat, menubuhkan, membubarkan atau menubuhkan semula sekolah-sekolah dan mana-mana jabatan, pusat, unit dan subbahagian lain mana-mana sekolah sebagaimana yang mungkin dianggapnya dikehendaki.

Jawatankuasa dan perwakilan kuasa.

10. (1) Lembaga, Senat dan Pengarah boleh menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Melainkan jika diperuntukkan dengan nyata selainnya, mana-mana jawatankuasa boleh mengandungi sebahagiannya daripada orang-orang yang bukan ahli Lembaga atau Senat atau pegawai-pegawai Politeknik Brunei, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini dan Perlembagaan, Lembaga, Senat dan Pengarah boleh, dengan atau tanpa sekatan-sekatan dan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, mewakilkan apa-apa kuasa dan kewajipannya kepada mana-mana jawatankuasa.

Pegawai dan kakitangan akademik.

11. (1) Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah dan Pendaftar dan pegawai lain Politeknik Brunei hendaklah dilantik oleh Lembaga menurut Perlembagaan.

(2) Kakitangan akademik Politeknik Brunei adalah ketua-ketua Sekolah, pensyarah dan orang lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan sebagai ahli kakitangan akademik oleh Perlembagaan dan hendaklah dilantik oleh Lembaga atas sokongan Pengarah.

(3) Kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan pegawai dan ahli kakitangan akademik, tempoh-tempoh dan syarat-syarat yang baginya dan yang atasnya mereka memegang jawatan dan emolumen mereka adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Perintah ini, Perlembagaan dan terma-terma lantikan mereka masing-masing; tetapi Lembaga boleh memberikan kepada mana-mana pegawai, dan dalam hal mana-mana ahli kakitangan akademik atas sokongan Pengarah,

kuasa dan kewajipan tambahan sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Lembaga.

Perlembagaan Politeknik Brunei.

12. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Politeknik Brunei hendaklah dikawal oleh peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, meminda Perlembagaan dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(3) Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Perlembagaan tidaklah boleh dianggap sebagai undang-undang tambahan.

Peperiksaan.

13. Semua peperiksaan yang diadakan oleh Politeknik Brunei hendaklah dikendalikan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Perlembagaan dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

Kuasa untuk menganugerahkan diploma dan sijil dll.

14. Politeknik Brunei hendaklah mempunyai kuasa untuk menganugerahkan diploma dan sijil dan kepujian akademik lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perlembagaan.

Bantuan.

15. (1) Menteri Kewangan hendaklah menyebabkan supaya dibayar kepada Politeknik Brunei wang-wang sebagaimana yang mungkin diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sebagai bantuan kepada Politeknik Brunei.

(2) Semua wang yang dibayar kepada Politeknik Brunei di bawah ceraian (1) hendaklah digunakan atau dibelanjakan oleh Politeknik Brunei bagi semua atau mana-mana tujuan Politeknik Brunei.

Kuasa untuk membuat pelaburan.

16. Tertakluk kepada apa-apa arahan am atau khas sebagaimana yang mungkin dikeluarkan oleh Menteri, Politeknik Brunei boleh —

(a) melaburkan wang-wangnya mengikut cara sebagaimana yang difikirkannya patut; dan

(b) melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti kewangan atau mengambil bahagian dalam apa-apa penyusunan kewangan bagi maksud mengurus atau

melindungi dari apa-apa risiko kewangan yang timbul atau mungkin timbul dari pelaburan tersebut.

Penyata akaun dan kewangan.

17. (1) Politeknik Brunei hendaklah menyimpan akaun dan rekod transaksi dan urusannya yang betul dan hendaklah melakukan semua perkara yang perlu untuk memastikan bahawa semua pembayaran dari wang-wangnya dibuat dengan betul dan dibenarkan dengan sewajarnya dan bahawa kawalan yang mencukupi diselenggarakan ke atas aset, atau dalam jagaan, Politeknik Brunei dan ke atas perbelanjaan yang dilakukan olehnya.

(2) Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas penutup setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya penyata kewangan bagi tahun itu disediakan dan dikemukakan kepada juruaudit Politeknik Brunei.

Audit.

18. (1) Penyata akaun dan kewangan Politeknik Brunei hendaklah diaudit pada setiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung, atau

(b) mana-mana orang yang telah dibenarkan untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggal 39) untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada setiap tahun oleh Lembaga:

Dengan syarat bahawa jika akaun Politeknik Brunei telah diaudit oleh seseorang yang dilantik di bawah perenggan kecil (b), akaun itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum akaun itu dikemukakan kepada Menteri Kewangan menurut bab 20(1).

(2) Juruaudit itu hendaklah dalam laporannya menyatakan —

(a) sama ada penyata kewangan itu menunjukkan dengan betul transaksi kewangan dan keadaan urusan Politeknik Brunei;

(b) sama ada rekod perakaunan yang betul dan rekod lain telah disimpan, termasuk rekod semua aset Politeknik Brunei sama ada dibeli, didermakan ataupun selainnya;

(c) sama ada wang masuk, perbelanjaan dan pelaburan wang dan pemerolehan dan pelupusan aset oleh Politeknik Brunei dalam tahun kewangan adalah menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini; dan

(d) perkara lain yang timbul dari audit sebagaimana yang dianggapnya perlu.

Kuasa juruaudit.

19. (1) Juruaudit itu atau mana-mana orang yang dibenarkan olehnya adalah berhak pada setiap masa yang munasabah untuk mendapat akses penuh dan bebas kepada semua rekod perakaunan dan rekod lain berkenaan dengan, secara langsung atau tidak langsung, transaksi kewangan Politeknik Brunei.

(2) Juruaudit itu atau seseorang yang dibenarkan olehnya boleh membuat salinan, atau membuat cabutan dari, mana-mana rekod perakaunan dan rekod lain tersebut.

(3) Juruaudit itu atau mana-mana orang yang dibenarkan olehnya boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberi kepadanya maklumat yang dimiliki atau dapat diakses oleh orang itu sebagaimana yang dianggap perlu oleh juruaudit itu atau mana-mana orang yang telah dibenarkan bagi maksud menjalankan tugas-tugas juruaudit itu di bawah Perintah ini.

(4) Mana-mana orang yang enggan atau gagal tanpa sebarang sebab yang munasabah untuk memberi akses kepada juruaudit itu kepada mana-mana rekod perakaunan atau rekod lain Politeknik Brunei dalam jagaan atau kuasanya atau untuk memberi apa-apa maklumat yang dimilikinya apabila dan jika dikehendaki atau mana-mana orang yang selainnya menghalang, mengadang atau melengahkan juruaudit itu dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000 dan, dalam hal suatu kesalahan berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$100 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Pengemukaan penyata kewangan dan laporan beraudit.

20. (1) Sebaik sahaja akaun Politeknik Brunei dan penyata kewangan telah diaudit menurut Perintah ini, satu salinan akaun dan penyata kewangan beraudit yang ditandatangani oleh Pengerusi, berserta dengan satu salinan laporan yang dibuat oleh juruaudit itu, hendaklah dikemukakan kepada Menteri Kewangan.

(2) Jika Juruaudit Agung tidak dilantik sebagai juruaudit, satu salinan penyata kewangan beraudit dan apa-apa laporan yang dibuat oleh juruaudit itu hendaklah dikemukakan kepada Juruaudit Agung pada masa yang sama dengan masa ia dihadapkan kepada Lembaga.

(3) Menteri hendaklah menyebabkan supaya satu salinan penyata kewangan beraudit dan laporan juruaudit itu dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Laporan tahunan.

21. Politeknik Brunei hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas penghujung setiap tahun kewangan, mengemukakan kepada Menteri suatu laporan tahunan mengenai aktiviti-aktiviti Politeknik Brunei dalam tahun kewangan yang lalu, dan Menteri hendaklah menyebabkan supaya satu salinan setiap laporan tahunan itu dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Pengambilan tanah bagi tujuan Politeknik Brunei.

22. (1) Jika apa-apa harta tak alih, yang bukan tanah Kerajaan, diperlukan bagi tujuan Politeknik Brunei, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh mengarahkan supaya harta itu diambil, dan dalam hal tersebut harta itu boleh diambil menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan pengambilan tanah bagi tujuan awam dan apa-apa pengisytiharan yang dikehendaki di bawah sebarang undang-undang bertulis tersebut bahawa harta itu diperlukan demikian boleh dibuat walaupun pampasan akan dibayar dari dana Politeknik Brunei, dan pengisytiharan tersebut hendaklah berkuat kuasa seolah-olah ia adalah suatu pengisytiharan bahawa tanah itu diperlukan bagi tujuan awam yang dibuat menurut undang-undang bertulis tersebut.

(2) Perbelanjaan dan pampasan berkaitan dengan apa-apa harta tak alih yang diambil di bawah ceraian (1) hendaklah dibayar oleh Politeknik Brunei atau dari dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada Politeknik Brunei bagi tujuan itu.

(3) Semua tanah Kerajaan yang diberikan atau harta tak alih yang diambil di bawah bab ini hendaklah terletak hak pada Politeknik Brunei, dan suatu catatan bagi maksud itu dalam daftar yang berkenaan hendaklah dibuat oleh pihak berkuasa pendaftar yang berkaitan.

Pengenaan Penggal 203 kepada persatuan pelajar dll.

23. (1) Dengan tidak menghiraukan apa-apa jua yang bertentangan dalam Akta Pertubuhan (Penggal 203), peruntukan-peruntukan Akta itu hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan persatuan pelajar Politeknik Brunei dan badan-badan konstituennya.

(2) Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengecualikan persatuan pelajar Politeknik Brunei dan mana-mana badan konstituennya dari semua atau mana-mana peruntukan Akta Pertubuhan (Penggal 203) tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam Perintah ini.

Pemindahan harta dan kakitangan ke Politeknik Brunei.

24. Peruntukan-peruntukan Jadual Kedua hendaklah berkuat kuasa bagi tujuan pemindahan harta dan pekerja-pekerja Kerajaan ke Politeknik Brunei dan bagi maksud-maksud peralihan lain yang dinyatakan dalam Jadual itu.

Pengecualian dari duti setem.

25. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan perintah mengecualikan dari peruntukan-peruntukan bab 3 dari Akta Setem (Penggal 34) apa-apa surat cara yang disempurnakan oleh Lembaga bagi pihak Politeknik Brunei.

**JADUAL PERTAMA
(bab 2)**

PERLEMBAGAAN POLITEKNIK BRUNEI

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran.

1. Perlembagaan ini boleh digelar sebagai Perlembagaan Politeknik Brunei.

Tafsiran.

2. Dalam Perlembagaan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Penolong Pengarah” bermakna mana-mana Penolong Pengarah yang dilantik di bawah perenggan 3;

“Lembaga” bermakna Lembaga Pengelola Politeknik Brunei yang ditubuhkan menurut perenggan 6;

“Pengerusi” bermakna Pengerusi Lembaga Pengelola yang dilantik dalam perenggan 6(1)(a);

“Konvokesyen” bermakna suatu Konvokesyen yang diadakan menurut perenggan 23(1);

“Timbalan Pengarah” bermakna Timbalan Pengarah Politeknik Brunei yang dilantik di bawah perenggan 3(5);

“Pengarah” bermakna Pengarah Politeknik Brunei yang dilantik di bawah perenggan 3(1);

“Pendaftar” bermakna Pendaftar Politeknik Brunei yang disebut dalam perenggan 4;

“Sekolah” bermakna Sekolah Perniagaan, Komunikasi dan Teknologi Maklumat, Sains dan Kejuruteraan dan sekolah lain sebagaimana mungkin ditubuhkan oleh Lembaga atas sokongan Senat;

“Senat” bermakna Senat Politeknik Brunei yang ditubuhkan menurut perenggan 12;

“Persatuan Pelajar” bermakna Persatuan Pelajar Politeknik Brunei yang ditubuhkan menurut perenggan 22;

“guru” bermakna seseorang yang dilantik menjadi guru oleh Lembaga menurut Perlembagaan ini, dan termasuk profesor, profesor madya, pensyarah kanan atau penolong pensyarah.

BAHAGIAN II

PEGAWAI-PEGAWAI POLITEKNIK BRUNEI

Lantikan, kuasa dan kewajipan Pengarah, Timbalan Pengarah dll.

3. (1) Menteri hendaklah, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik seorang Pengarah atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri.

(2) Pengarah adalah ketua eksekutif dan pegawai akademik Politeknik Brunei dan hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga —

(a) bagi pentadbiran dan pengurusan akademik Politeknik Brunei yang betul menurut dasar-dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;

(b) bagi penguatkuasaan yang betul ke atas peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perlembagaan ini; dan

(c) bagi kebijakan dan tata tertib kakitangan dan pelajar-pelajar Politeknik Brunei.

(3) Bagi maksud menguatkuasakan ceraian (2), Pengarah hendaklah mempunyai kuasa-kuasa sebagaimana yang perlu atau patut bagi maksud itu.

(4) Pengarah adalah berhak untuk hadir dan bercakap dalam sebarang mesyuarat mana-mana jawatankuasa Politeknik Brunei, tetapi tidaklah berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu melainkan jika dia adalah seorang ahlinya.

(5) Lembaga hendaklah, dengan kebenaran Menteri, melantik —

(a) seorang Timbalan Pengarah;

(b) seorang Penolong Pengarah atau lebih,

atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Lembaga dan hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya oleh Pengarah atau oleh Lembaga jika Pengarah tidak dapat memberikan.

Pendaftar.

4. (1) Hendaklah ada seorang Pendaftar yang akan dilantik oleh Lembaga atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan olehnya.

(2) Pendaftar hendaklah —

(a) menjadi setiausaha Lembaga;

(b) menghadiri semua mesyuarat Lembaga melainkan jika dikecualikan oleh Pengerusi;

(c) menyelenggarakan rekod-rekod mesyuarat dengan sewajarnya; dan

(d) menjalankan kewajipan-kewajipan lain sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya oleh Lembaga.

(3) Semasa ketiadaan Pendaftar, Pengerusi boleh melantik orang yang sesuai untuk bertindak sebagai setiausaha bagi suatu mesyuarat tertentu.

(4) Pendaftar tidaklah berhak, melainkan jika dia adalah seorang ahli Lembaga yang dilantik menjadi Pendaftar, untuk mengundi atas apa-apa persoalan yang dikemukakan kepada Lembaga.

Pegawai lain.

5. Lembaga boleh melantik pegawai lain sebagaimana yang mungkin difikirkannya perlu.

BAHAGIAN III
LEMBAGA PENGELOLA DAN SENAT

Lembaga Pengelola.

6. (1) Hendaklah ada Lembaga Pengelola yang terdiri daripada ahli-ahli yang berikut —

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) Pengarah; dan
- (d) sebilangan ahli lain, tidak kurang daripada sembilan atau lebih daripada lapan belas orang, yang mewakili perkhidmatan awam dan swasta.

(2) Ahli-ahli Lembaga, kecuali Pengarah, hendaklah dilantik oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi tempoh selama 3 tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

Kuasa Lembaga.

7. (1) Lembaga hendaklah mentadbir urusan Politeknik Brunei selain dari urusan yang terletak hak oleh Perintah itu atau Perlembagaan ini pada sesuatu pihak berkuasa lain Politeknik Brunei atau pada seorang pegawai.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan makna perenggan kecil (1), Lembaga hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah itu dan Perlembagaan ini, mempunyai kuasa —

- (a) untuk mentadbir dan mengurus kewangan, akaun, pelaburan, harta, perniagaan, dan segala urusan apa pun Politeknik Brunei, dan bagi maksud itu untuk melantik jurubank, peguam, peguamcara dan pegawai atau wakil yang sesuai dilantik olehnya;
- (b) untuk melantik pegawai, guru dan pekerja lain dan untuk menentukan kewajipan-kewajipan mereka dan untuk menetapkan ganjaran mereka dan terma-terma dan syarat-syarat lantikan mereka;
- (c) untuk menyediakan bangunan, premis, perabot, aparatus dan alat lain yang diperlukan bagi Politeknik Brunei;
- (d) untuk membuat, mengubah, melaksanakan dan membatalkan kontrak bagi pihak Politeknik Brunei;

(e) untuk menjual, membeli, memajakkan, bertukar-tukar ataupun selainnya memberi milik atau melupuskan apa-apa harta bagi pihak Politeknik Brunei;

(f) untuk berunding dengan Senat bagi meneliti tunjuk ajar dan pengajaran di Politeknik Brunei;

(g) untuk bekerjasama dengan institusi pembelajaran dan pihak berkuasa lain bagi pengawalseliaan dan pengendalian peperiksaan, bagi penyelidikan dan pemeriksaan sekolah dan institusi akademik lain, bagi peluasan pengajaran Politeknik Brunei dan bagi tujuan lain;

(h) untuk mencadangkan kepada Menteri tambahan kepada, atau pindaan atau pemansuhan mana-mana peruntukan, Perlembagaan ini;

(i) untuk menetapkan bayaran;

(j) untuk mewakilkan apa-apa kuasanya kepada mana-mana ahli Lembaga atau kepada mana-mana jawatankuasanya atau kepada mana-mana pegawai, guru atau pekerja lain Politeknik Brunei;

(k) untuk melantik jawatankuasa bagi apa-apa jawatan yang Lembaga boleh melantik;

(l) untuk menerbitkan buku atau perkara lain bagi pihak Politeknik Brunei; dan

(m) untuk melakukan segala perbuatan dan perkara lain sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Lembaga oleh Perintah itu atau Perlembagaan ini.

(3) Lembaga boleh dengan peraturan-peraturan mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara yang berikut atau bagi apa-apa tujuan yang berikut —

(a) pentadbiran urusan Politeknik Brunei;

(b) lantikan, kenaikan pangkat, kelakuan, kawalan tatatertib, pemecatan dan penamatan perkhidmatan pegawai, guru dan pekerja lain Politeknik Brunei;

(c) kebijakan, tatatertib, penggantungan dan pembuangan pelajar Politeknik Brunei;

(d) borang kontrak;

(e) penerbitan Politeknik Brunei;

(f) bayaran;

(g) penetapan apa-apa jua yang oleh Perintah itu atau oleh Perlembagaan ini akan ditetapkan dengan peraturan-peraturan yang dibuat oleh Lembaga; dan

(h) pada amnya semua perkara yang Lembaga diberi kuasa oleh Perintah itu atau oleh Perlembagaan ini untuk mengawal selia.

(4) Semua peraturan tersebut hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh peraturan-peraturan itu dibuat melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh Lembaga.

Elaun hendaklah dibayar kepada ahli.

8. Hendaklah dibayar kepada ahli-ahli dari dana Politeknik Brunei elauan-elaun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri.

Pengosongan jawatan.

9. (1) Menteri boleh membatalkan lantikan seseorang ahli Lembaga, kecuali lantikan Pengarah, jika ahli itu pada pendapat Menteri menjadi tidak layak untuk terus memegang jawatan atau tidak berupaya melaksanakan kewajipan-kewajipannya.

(2) Seseorang ahli Lembaga, kecuali Pengarah, boleh meletakkan jawatan dari lantikannya dengan memberi notis bertulis kepada Menteri.

Mengisi kekosongan jawatan ahli Lembaga.

10. Jika jawatan seseorang ahli Lembaga, selain daripada jawatan Pengarah, kosong, Menteri boleh melantik mana-mana orang untuk mengisikan kekosongan itu dan orang itu hendaklah dilantik bagi tempoh selebihnya dari tempoh lantikan ahli yang digantikannya itu.

Mesyuarat Lembaga.

11. (1) Pengerusi hendaklah memanggil mesyuarat seberapa kerap yang mungkin dikehendaki.

(2) Dalam setiap mesyuarat Lembaga, satu pertiga daripada bilangan ahli-ahli hendaklah membentuk *korum*.

(3) Keputusan dalam mesyuarat Lembaga hendaklah diterima dengan kelebihan undi ahli-ahli yang hadir dan mengundi, kecuali sekiranya terdapat persamaan undi, Pengerusi atau sekiranya Pengerusi tidak hadir, Timbalan Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(4) Pengerusi atau sekiranya Pengerusi tidak hadir, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga.

(5) Lembaga tidak boleh dihalang dari mengadakan mesyuarat atau bertindak dalam apa-apa perkara semata-mata oleh sebab sebarang kekosongan dalam keahliannya.

(6) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Lembaga boleh mengawal selia prosedurnya sendiri.

Senat Politeknik Brunei.

12. (1) Hendaklah ada Senat Politeknik Brunei yang terdiri daripada —

(a) Pengarah yang akan menjadi Pengerusi Senat;

(b) Timbalan Pengarah;

(c) Penolong Pengarah;

(d) Pendaftar;

(e) ketua-ketua sekolah; dan

(f) sebilangan pegawai Politeknik Brunei yang akan dilantik oleh Lembaga.

(2) Senat hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya, dua kali dalam setiap tahun akademik dan masa lain sebagaimana yang mungkin diperlukan.

(3) *Korum* dalam setiap mesyuarat Senat adalah satu perempat daripada jumlah bilangan ahli-ahli Senat.

(4) Pengerusi Senat hendaklah diberi kuasa untuk menghendaki mana-mana pegawai, guru atau pekerja lain Politeknik Brunei supaya menghadiri suatu mesyuarat Senat.

(5) Pendaftar hendaklah menjadi setiausaha kepada Senat.

Kuasa Senat.

13. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah itu dan Perlembagaan ini dan adanya dana yang diperuntukkan oleh Lembaga, Senat hendaklah mempunyai kuasa —

- (a) untuk mengadakan kursus-kursus pengajian bagi diploma, sijil dan anugerah lain oleh Politeknik Brunei dan kursus-kursus pengajian lain sebagaimana yang mungkin difikirkan dikehendaki;
- (b) untuk mengarahkan dan mengawal selia pengajaran dan pendidikan di Politeknik Brunei;
- (c) untuk merangsang kemajuan ilmu pengetahuan melalui penyelidikan dan penerbitan;
- (d) untuk mengarahkan cara bagaimana peperiksaan boleh dikendalikan;
- (e) untuk menentukan peperiksaan dan kursus pengajian apa di tempat institusi pembelajaran lain yang boleh dianggap setaraf dengan peperiksaan dan kursus pengajian di Politeknik Brunei;
- (f) untuk menasihati Lembaga mengenai penyediaan kemudahan bagi perkara pendidikan dan perkara akademik lain;
- (g) untuk memutuskan menurut Perlembagaan dan peraturan-peraturan, pelajar-pelajar yang layak bagi penganugerahan diploma, sijil dan markah kepujian lain;
- (h) untuk mengelola Sekolah-Sekolah;
- (i) untuk menetapkan masa, cara dan syarat-syarat pertandingan bagi, dan untuk menganugerahkan *fellowship*, biasiswa dan kurniaan pendidikan dan hadiah lain menurut terma-termanya;
- (j) untuk menghendaki mana-mana pelajar atas alasan akademik untuk menamatkan pengajiannya di Politeknik Brunei;
- (k) untuk memberi kuliah dan kursus pengajian bagi orang yang bukan pelajar Politeknik Brunei;
- (l) untuk menasihati Lembaga mengenai apa-apa perkara yang boleh dirujukkan kepada Senat oleh Lembaga;
- (m) untuk mewakilkan apa-apa kuasanya kepada mana-mana ahli Senat atau mana-mana jawatankuasanya atau kepada mana-mana pegawai atau guru Politeknik Brunei; dan
- (n) untuk melakukan segala perbuatan dan perkara lain sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Senat oleh Perintah itu dan Perlembagaan ini.

Peraturan-peraturan dibuat oleh Senat.

14. (1) Senat boleh dengan peraturan-peraturan mengadakan peruntukan bagi mana-mana perkara yang berikut atau bagi mana-mana tujuan yang berikut —

(a) kemasukan dan pendaftaran pelajar;

(b) syarat-syarat penganugerahan diploma, sijil dan markah kepujian lain;

(c) kursus pengajian dan peperiksaan;

(d) pakaian akademik;

(e) penganugerahan biasiswa dan kurniaan pendidikan dan hadiah lain;

(f) pengendalian peperiksaan;

(g) penetapan apa-apa jua yang akan ditetapkan oleh Perintah itu atau Perlembagaan ini dengan peraturan-peraturan yang dibuat oleh Senat;

(h) penetapan syarat-syarat yang di bawahnya pegawai-pegawai dan pelajar-pelajar boleh dikecualikan dari peruntukan-peruntukan sebarang peraturan yang dibuat oleh Senat; dan

(i) pada amnya semua perkara yang Senat diberi kuasa untuk mengawal selia oleh Perintah itu atau Perlembagaan ini.

(2) Semua peraturan itu hendaklah dilaporkan kepada Lembaga dan hendaklah mula berkuat kuasa tidak awal dari satu semester selepas tarikh peraturan-peraturan itu dibuat, melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Lembaga.

BAHAGIAN IV

PEPERIKSAAN

Peperiksaan.

15. (1) Peperiksaan bagi diploma, sijil dan anugerah lain hendaklah dikendalikan menurut peraturan-peraturan yang dibuat oleh Senat.

(2) Pendaftar hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan berkaitan dengan peperiksaan sebagaimana yang mungkin diwakilkan kepadanya oleh Senat.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

Tahun kewangan.

16. Tahun kewangan Politeknik Brunei hendaklah bermula pada 1hb April setiap tahun dan berakhir pada 31hb Mac pada tahun berikutnya.

Penyediaan anggaran.

17. Adalah menjadi kewajipan pegawai-pegawai Politeknik Brunei sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Lembaga untuk menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan Politeknik Brunei bagi setiap tahun kewangan untuk pertimbangan Pengarah.

Anggaran.

18. (1) Anggaran pendapatan dan perbelanjaan hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Lembaga dan hendaklah dikemukakan oleh Pengerusi kepada Lembaga dan diluluskan oleh Lembaga sebelum bermulanya tahun kewangan, kecuali Pengerusi boleh mengemukakan, dan Lembaga boleh meluluskan, anggaran tambahan pada bila-bila masa.

(2) Anggaran tahunan dan tambahan hendaklah disediakan dalam bentuk dan hendaklah mengandungi maklumat sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Lembaga.

Kuasa Lembaga untuk menerima pemberian dll.

19. (1) Lembaga boleh bagi pihak Politeknik Brunei menerima sebagai geran, pemberian, waqaf, pemberian berwasiat ataupun selainnya, harta dan wang untuk kewangan Politeknik Brunei atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan olehnya.

(2) Rekod semua derma kepada Politeknik hendaklah disimpan termasuk nama-nama penderma dan apa-apa syarat khas yang atasnya apa-apa derma mungkin telah diberikan.

Pemberian kepada Politeknik Brunei dikecualikan dari cukai pendapatan.

20. Politeknik Brunei hendaklah dianggap sebagai sebuah institusi khairat bagi maksud-maksud bab 10(1)/f) dari Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35).

Harta yang diberikan bagi tujuan khusus hendaklah dimasuk kira secara berasingan.

21. Semua harta, wang atau dana yang diberikan bagi apa-apa tujuan khusus hendaklah digunakan dan ditadbir menurut tujuan-tujuan ia mungkin telah diberikan dan hendaklah dimasuk kira secara berasingan.

BAHAGIAN VI

BADAN PELAJAR

Persatuan Pelajar, badan konstituen dan badan pelajar.

22. Persatuan Pelajar, badan-badan konstituennya dan badan-badan pelajar hendaklah dikawal dan ditadbir menurut peruntukan-peruntukan yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang diluluskan oleh Lembaga.

BAHAGIAN VII

AM

Konvokesyen.

23. (1) Konvokesyen bagi penganugerahan diploma hendaklah diadakan pada setiap tahun, atau dengan seberapa kerap sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Pengarah, pada tarikh sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga.

(2) Semasa ketiadaan Pengarah atau Timbalan Pengarah yang dibenarkan bagi maksud ini oleh Pengarah, Pendaftar hendaklah mempergerusikan Konvokesyen.

Insurans wajib.

24. Politeknik Brunei boleh menghendaki supaya mana-mana orang yang menghadiri apa-apa kursus atau menggunakan apa-apa kemudahan yang disediakan atau dibenarkan oleh Politeknik Brunei, diinsuranskan daripada kecederaan diri dan kehilangan nyawa.

Kesalahan oleh badan korporat.

25. Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dilakukan oleh suatu badan korporat dan terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan apa-apa perbuatan atau keingkaran di pihak, mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya badan korporat itu, atau mana-mana orang yang dikatakan bertindak dalam mana-mana jawatan tersebut, dia, dan juga

badan korporat itu, adalah melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

JADUAL KEDUA
(bab 24)

PEMINDAHAN HARTA, KAKITANGAN DLL. KE POLITEKNIK BRUNEI

Tafsiran.

1. Dalam Jadual ini, “tarikh yang ditetapkan” bermakna tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Pemindahan harta, aset dan liabiliti ke Politeknik Brunei.

2. (1) Mulai dari tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, semua tanah, bangunan dan harta lain, alih atau tak alih, hak, kepentingan, keistimewaan, hutang, obligasi dan liabiliti yang terletak hak pada, kepunyaan atau ditanggung oleh Kerajaan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, hendaklah dipindahkan ke dan terletak hak pada Politeknik Brunei tanpa jaminan lanjut.

(2) Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perbuatan atau perkara sebagaimana yang dianggapnya perlu atau mustahak untuk menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan perenggan kecil (1).

(3) Jika apa-apa persoalan timbul tentang harta mana, alih atau tak alih, yang telah dipindahkan ke dan terletak hak pada Politeknik Brunei di bawah perenggan kecil (1), suatu perakuan yang ditandatangani oleh Menteri adalah keterangan muktamad mengenai perletakan hak harta itu pada Politeknik Brunei.

Kontrak sedia ada.

3. Segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan penyusunan kerja yang ada sejurus sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini yang menyentuh tanah, bangunan dan harta lain, alih atau tak alih, yang dipindahkan di bawah perenggan 2 atau mana-mana pekerja Kerajaan yang dipindahkan ke perkhidmatan Politeknik Brunei di bawah perenggan 5 yang Kerajaan adalah suatu pihak kepadanya, hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan penuh terhadap atau untuk faedah Politeknik Brunei dan boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan sesungguhnya seolah-olah, sebagai ganti Kerajaan, Politeknik Brunei telah dinamakan di dalamnya atau adalah suatu pihak kepadanya.

Prosiding belum selesai.

4. Apa-apa prosiding atau alasan tindakan yang belum selesai atau wujud sejurus sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini oleh atau terhadap Kerajaan berkaitan dengan tanah, bangunan dan harta lain, alih atau tak alih, yang dipindahkan di bawah perenggan 2 dan hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang berhubung atau bersangkutan dengannya boleh diteruskan dan dikuatkuasakan oleh atau terhadap Politeknik Brunei sebagaimana ia mungkin diteruskan dan dikuatkuasakan oleh atau terhadap Kerajaan seolah-olah Perintah ini belum diperbuat.

Pemindahan kakitangan.

5. (1) Pada tarikh yang ditetapkan —

(a) semua orang yang, sejurus sebelum tarikh itu, menjadi ahli kakitangan pengajar Kerajaan hendaklah menjadi ahli kakitangan pengajar Politeknik Brunei; dan

(b) semua orang lain yang, sejurus sebelum tarikh itu, diambil bekerja dalam apa-apa jawatan oleh Kerajaan hendaklah menjadi pekerja Politeknik Brunei,

atas terma-terma yang tidak kurang baiknya dari terma-terma yang mereka nikmati sejurus sebelum mereka dipindahkan ke perkhidmatan Politeknik Brunei.

(2) Sehingga masa apabila skim dan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan disediakan oleh Politeknik Brunei, tiap-tiap orang yang disebut dalam perenggan kecil (1), hendaklah memegang jawatan atau terus memegang jawatan atas terma-terma dan syarat-syarat yang sama yang ditentukan oleh lantikannya sejurus sebelum tarikh yang ditetapkan; dan perkhidmatan orang itu sebagai ahli kakitangan pengajar atau pekerja Kerajaan hendaklah dianggap sebagai perkhidmatan sebagai ahli kakitangan pengajar atau pekerja Politeknik Brunei.

(3) Jika mana-mana orang yang dipindahkan ke perkhidmatan Politeknik Brunei di bawah perenggan kecil (1) adalah pencarum di bawah Akta Tabung Amanah Pekerja (Penggal 167), dia hendaklah bagi maksud-maksud Akta itu, terus membuat caruman di bawah Akta itu seolah-olah dia belum dipindahkan ke perkhidmatan Politeknik Brunei; dan bagi maksud-maksud Akta itu, perkhidmatannya dengan Politeknik Brunei hendaklah dianggap sebagai perkhidmatan dengan Kerajaan dan Politeknik Brunei hendaklah mempunyai hak untuk membuat potongan dari gaji orang itu yang akan dibayar sebagai caruman di bawah Akta itu.

(4) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Akta Pencen (Penggal 38), mana-mana orang yang —

(a) sebelum tarikh yang ditetapkan merupakan seorang kakitangan kerajaan;

(b) di bawah terma-terma dan syarat-syarat pemindahannya ke Politeknik Brunei daripada Kerajaan berhak mendapat manfaat tertentu di bawah Akta Pencen (Penggal 38); dan

(c) dipindahkan ke perkhidmatan Politeknik Brunei di bawah perenggan kecil (1),

adalah berhak mendapat manfaat tersebut.

Penerusan dan penyelesaian prosiding tatatertib.

6. (1) Jika pada tarikh yang ditetapkan, apa-apa prosiding tatatertib terhadap mana-mana orang yang dipindahkan ke perkhidmatan Politeknik Brunei di bawah perenggan 5 belum selesai di hadapan pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan, prosiding terhadap orang itu hendaklah diambil dan diteruskan di bawah dan dengan menepati peruntukan-peruntukan Perintah ini selaras mana yang boleh; tetapi jika pada tarikh itu apa-apa perkara sedang didengar atau disiasat oleh pihak berkuasa itu atau telah didengar atau disiasat oleh pihak berkuasa itu, tetapi tiada perintah atau keputusan dibuat mengenainya, pihak berkuasa itu hendaklah terus wujud, walaupun terdapat Perintah ini, bagi maksud menyelesaikan pendengaran atau penyiasatan itu dan pembuatan suatu perintah atau keputusan, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Bagi maksud-maksud menyelesaikan suatu pendengaran atau penyiasatan di hadapannya, atau membuat suatu perintah atau memberikan suatu keputusan mengenai suatu perkara yang didengar atau disiasat sebelum tarikh yang ditetapkan, pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan hendaklah menyelesaikan pendengaran atau penyiasatan itu menurut kuasa yang terletak hak pada pihak berkuasa itu sejurus sebelum tarikh itu dan membuat perintah, keputusan atau arahan sebagaimana yang mungkin dibuat oleh pihak berkuasa itu di bawah autoriti yang terletak hak padanya sejurus sebelum tarikh itu.

(3) Apa-apa perintah, keputusan atau arahan yang dibuat atau diberikan oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan menurut perenggan ini hendaklah dimasukkan sebagai suatu perintah, keputusan atau arahan Politeknik Brunei dan hendaklah mempunyai kuat kuasa atau kesan yang sama seolah-olah ia telah dibuat atau diberikan oleh Politeknik Brunei menurut autoriti yang terletak hak pada Politeknik Brunei di bawah Perintah ini.

Pelajar.

7. Tiap-tiap orang yang menjadi pelajar di bawah institusi pendidikan Kerajaan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, hendaklah dipindahkan ke Politeknik Brunei atas

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

terma-terma yang tidak kurang baiknya dari terma-terma yang mereka nikmati sejurus sebelum mereka dipindahkan.

Penyelenggaraan sekolah.

8. Mana-mana sekolah yang ditubuhkan dan diselenggarakan oleh Kerajaan sejurus sebelum tarikh permulaan kuat kuasa hendaklah diteruskan dan diselenggarakan oleh Politeknik Brunei seolah-olah Perintah ini telah dikuatkuasakan apabila sekolah itu ditubuhkan.

Badan pelajar.

9. Badan-badan pelajar yang ditubuhkan dan wujud sejurus sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah pada tarikh itu dianggap sebagai telah ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan (Penggal 203) dan semua orang yang sejurus sebelum tarikh itu menjadi ahli badan-badan pelajar hendaklah pada tarikh itu dianggap telah menjadi ahli badan-badan pelajar Politeknik Brunei.

Peruntukan-peruntukan peralihan.

10. Apa-apa jua yang dilakukan atau apa-apa lantikan yang dibuat bagi, oleh atau sebagai wakil pihak berkuasa Kerajaan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah, pada dan selepas tarikh itu, dianggap sebagai telah dibuat bagi, oleh atau sebagai wakil Politeknik Brunei.

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 9 haribulan September, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**